



LevelUP!

Insentif Khas Untuk
Rakan Usahawan PUNB

Soalan Lazim

Sila baca Soalan Lazim LevelUP! sebelum
anda MEMOHON



1. APAKAH ITU LEVELUP! UNTUK RAKAN USAHAWAN PUNB?

LevelUP! ialah program insentif yang diperkenalkan oleh Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) bagi membantu Rakan Usahawan PUNB meningkatkan daya tahan, produktiviti, kelestarian (kekal berterusan) dan daya saing perniagaan.

Program ini menyediakan insentif bagi aktiviti yang memperkukuh operasi, menambah baik kecekapan, serta memperluas pasaran perniagaan.

Definisi:

Rakan Usahawan PUNB adalah usahawan PUNB yang masih mempunyai pembiayaan PUNB atau penyewa hartanah PUNB.

2. APAKAH MAKLUMAT LANJUT MENGENAI INSENTIF LEVELUP! YANG DITAWARKAN KEPADA RAKAN USAHAWAN PUNB?

LevelUP! menawarkan insentif sehingga 80% daripada kos pembelian aset atau perkhidmatan (Projek) yang layak, tertakluk kepada had maksimum RM20,000 bagi setiap syarikat atau milikan kongsi atau milikan tunggal, untuk tujuan penambahbaikan perniagaan, pendigitalan dan peluasan pasaran.

Permohonan juga tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- a) Projek yang dilaksanakan pada tahun 2025;
- b) Dalam kategori atau skop insentif seperti di bahagian no.3; dan
- c) Syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh PUNB.

3. APAKAH KATEGORI ATAU SKOP INSENTIF YANG BOLEH DIPOHON OLEH RAKAN USAHAWAN PUNB DI BAWAH LEVELUP!?

Rakan Usahawan PUNB boleh mengemukakan insentif di bawah lima (5) skop luas berikut:

Automasi Pintar:

- Mesin atau peralatan;
- Perisian atau lesen;
- Penstrukturan semula proses;
- Ujian dan pensijilan;
- Kos Latihan;
- ERP/Perakaunan (PEPPOL Access Point);
- Sistem pembayaran digital/e-POS; dan
- Teknologi Kecerdasan Buatan (AI).

Teknologi Hijau:

- Peralatan kuasa dan penyejukan;
- Sistem solar PV;
- Peralatan cekap tenaga;
- Infrastruktur pengecasan EV;
- Sistem pengurusan sisa;
- Sistem penuaian air hujan; dan
- Pembungkusan mampan.

Pensijilan Kualiti:

- Pertubuhan Standardisasi Antarabangsa (ISO);
- Sistem Peraturan Pemakanan Islam (HALAL);
- Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP);
- Pensijilan Amalan Pengilangan Baik (GMP);
- Pentadbiran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA);
- Tanda MyHIJAU; dan
- Pensijilan lain yang berkaitan dengan pengurusan kualiti.

Pembangunan Pasaran:

- Tiket penerbangan (kelas ekonomi);
- Penginapan (hotel bertaraf tiga bintang);
- Yuran penyertaan atau sewaan reruai;
- Peningkatan atau ubah suai reruai;
- Perkhidmatan pemasaran berkaitan misi promosi; dan
- Perkhidmatan penghantaran (freight services).

Penjenamaan:

- Pembangunan atau penambahbaikan identiti jenama (contohnya: logo, slogan, garis panduan visual);
- Yuran tanda dagangan;
- Yuran penilaian bagi anugerah berprestij (contohnya: The BrandLaureate, Superbrands, Bumiputera Business Excellence dan lain-lain); dan
- Kempen pengiklanan jenama digital, disertakan laporan pulangan pelaburan (ROI) yang boleh diukur serta menunjukkan kesan nyata terhadap jualan (contohnya: peningkatan hasil, penukaran pelanggan atau tempahan).

4. SIAPAKAH YANG LAYAK MEMOHON INSENTIF LEVELUP!?

Pemohon mestilah:

- Rakan Usahawan PUNB yang mempunyai pembiayaan PUNB atau penyewa hartanah PUNB;
- Tiada tunggakan bayaran pembiayaan atau sewaan dalam tempoh dua (2) bulan yang lalu;
- Tiada konflik atau kepentingan dengan pembekal; dan
- Mempunyai perniagaan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebagai Syarikat Sdn Bhd, Milikan Kongsi atau Milikan Tunggal.

5. APAKAH DOKUMEN YANG DIPERLUKAN OLEH RAKAN USAHAWAN PUNB UNTUK MEMOHON INSENTIF LEVELUP!?

Rakan Usahawan PUNB perlu menyediakan dokumen berikut:

- Penyata Bank Terkini;
- Sebut Harga/ Invois daripada Pembekal;
- Katalog Produk atau Brosur Perkhidmatan;
- Gambar aset yang dibeli atau program yang dihadiri; dan
- Bukti Pembayaran yang dikeluarkan oleh bank.

6. BAGAIMANAKAH CARA UNTUK MEMOHON INSENTIF LEVELUP!?

Rakan Usahawan PUNB boleh menghantar permohonan yang lengkap beserta dokumen yang diperlukan melalui e-mel ke **ecdu@punb.com.my**.

7. SAYA PERNAH MENERIMA INSENTIF DARI PUNB PADA TAHUN LALU. ADAKAH SAYA MASIH BOLEH MEMBUAT PERMOHONAN PADA TAHUN INI?

Ya, anda boleh membuat permohonan insentif LevelUP! pada tahun ini. Walau bagaimanapun, jika permohonan berjaya, setiap syarikat, milikan perkongsian atau milikan tunggal hanya layak menerima insentif LevelUP! sekali sahaja bagi tahun semasa bagi memastikan peluang yang adil kepada semua Rakan Usahawan PUNB.

8. BERAPAKAH JUMLAH INSENTIF LEVELUP! YANG DIPERUNTUKKAN BAGI SETIAP RAKAN USAHAWAN PUNB?

Setiap permohonan yang layak dan berjaya boleh menerima sehingga 80% daripada jumlah kos belian aset atau perkhidmatan, tertakluk kepada had maksimum RM20,000, mengikut mana yang lebih rendah.

9. ADAKAH SAYA PERLU MEMBUAT BAYARAN PENUH ATAU MEMBIAYAI KOS PEMBELIAN ASET ATAU PERKHIDMATAN TERLEBIH DAHULU SEBELUM MEMBUAT PERMOHONAN INSENTIF LEVELUP!?

Ya. Rakan Usahawan PUNB perlu membuat pembayaran sepenuhnya kos pembelian aset atau perkhidmatan terlebih dahulu.

10. BERAPA LAMAKAH TEMPOH PROSES DAN MAKLUMAN KEPUTUSAN PERMOHONAN INSENTIF LEVELUP!?

Permohonan insentif LevelUP! ini akan diproses dalam tempoh **empat belas (14) hari bekerja** selepas menerima dokumen lengkap daripada Rakan Usahawan PUNB.

Status atau makluman keputusan permohonan akan dimaklumkan dalam tempoh **tiga (3) hari bekerja** selepas tamat tempoh proses empat belas (14) hari tersebut melalui email pemberitahuan daripada PUNB.

Jika permohonan berjaya, insentif LevelUP! akan dikreditkan terus ke akaun bank perniagaan atau milikan berdaftar Rakan Usahawan PUNB.

11. SIAPAKAH YANG BOLEH DIHUBUNGI UNTUK PERTANYAAN LANJUT MENGENAI INSENTIF LEVELUP!?

Untuk bantuan atau pertanyaan lanjut mengenai insentif LevelUP!, sila hubungi:

- En. Muhammad Nafis Nirman di talian 03-2785 1884;
- Cik Nurussyifa Nordin di talian 03-2785 1858; atau
- e-mel pertanyaan anda ke **ecdu@punb.com.my**.

PENAFIAN:

Maklumat, terma dan syarat dalam lembaran pernyataan produk ini adalah indikatif dan tidak mengikat PUNB. Terma dan syarat akhir ditetapkan dalam surat tawaran selepas penilaian kredit dan kelulusan akhir oleh PUNB.